



NEGERI PERLIS

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 55

2hb Ogos 2012

No. 16

AKTA MAHKAMAH RENDAH 1948

(Akta 92)

SUBORDINATE COURTS ACT 1948

(Act 92)

No. 83.

PELANTIKAN DAN PEMBATALAN PELANTIKAN MAJISTRET KELAS DUA

APPOINTMENT AND REVOCATION OF APPOINTMENT OF
SECOND CLASS MAGISTRATES

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 79 Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*], Pihak Berkuasa Negeri Perlis telah melantik Encik Hisan bin Abu Bakar menjadi Majistret Kelas Kedua di dalam dan bagi Negeri Perlis berkuat kuasa mulai 1 Februari 2012.

Pelantikan Encik Mohamad Daud bin Haji Abdull Hamid sebagai Majistret Kelas Kedua di dalam dan bagi Negeri Perlis adalah dibatalkan berkuat kuasa mulai 1 Februari 2012.

In exercise of the powers conferred by section 79 of the Subordinate Courts Act 1948 [*Act 92*], the State Authority of the State of Perlis has appointed Encik Hisan bin Abu Bakar as Second Class Magistrate in and for the State of Perlis with effect from 1 February 2012.

The appointment of Encik Mohamad Daud bin Haji Abdull Hamid as Second Class Magistrate in and for the State of Perlis is hereby revoked with effect from 1 February 2012.

Bertarikh 25 Jun 2012

Dated 25 June 2012

[PTG.Ps.(PENT.) 090 Jld. 4(13)]

NORAZLAN BIN YAHAYA
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Perlis/
Secretary of State Legislative Assembly
Perlis*

No. 84.

PELANTIKAN DAN PEMBATALAN PELANTIKAN MAJISTRET KELAS DUA

APPOINTMENT AND REVOCATION OF APPOINTMENT OF
SECOND CLASS MAGISTRATES

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 79 Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*], Pihak Berkuasa Negeri Perlis telah melantik Encik Ahmad Hamidi bin Mohamed menjadi Majistret Kelas Kedua di dalam dan bagi Negeri Perlis berkuat kuasa mulai 7 Februari 2012.

Pelantikan Encik Mohd Alihanafi bin Mohd Yunus sebagai Majistret Kelas Kedua di dalam dan bagi Negeri Perlis adalah dibatalkan berkuat kuasa mulai 7 Februari 2012.

In exercise of the powers conferred by section 79 of the Subordinate Courts Act 1948 [*Act 92*], the State Authority of the State of Perlis has appointed Encik Ahmad Hamidi bin Mohamed as Second Class Magistrate in and for the State of Perlis with effect from 7 February 2012.

The appointment of Encik Mohd Alihanafi bin Mohd Yunus as Second Class Magistrate in and for the State of Perlis is hereby revoked with effect from 7 February 2012.

Bertarikh 25 Jun 2012

Dated 25 June 2012

[PTG.Ps.(PENT.) 090 SK 2(52); SUK.Ps. 05/380]

NORAZLAN BIN YAHAYA
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Perlis/
Secretary of State Legislative Assembly
Perlis*

No. 85.

AKTA PENANAM PADI (MENGAWAL SEWA DAN
MENJAMIN PEMEGANGAN) 1967

PADI CULTIVATORS (CONTROL OF RENT AND SECURITY
OF TENURE) ACT 1967

PELANTIKAN PENDAFTAR

APPOINTMENT OF REGISTRAR

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 14(1) Akta Penanam Padi (Mengawal Sewa dan Menjamin Pemegangan) 1967 [*Akta 528*], Pihak Berkuasa Negeri Perlis telah melantik Encik Hisan bin Abu Bakar sebagai Pendaftar mulai 1 Februari 2012 bagi maksud Akta tersebut.

Pelantikan Encik Mohamad Daud bin Haji Abdull Hamid sebagai Pendaftar adalah dibatalkan mulai 1 Februari 2012.

In exercise of the powers conferred by subsection 14(1) of the Padi Cultivators (Control of Rent and Security of Tenure) Act 1967 [*Act 528*], the State Authority of Perlis has appointed Encik Hisan bin Abu Bakar as Registrar in and for the State of Perlis with effect from 1 February 2012.

The appointment of Encik Mohamad Daud bin Haji Abdull Hamid as Registrar in and for the State of Perlis is hereby revoked with effect from 1 February 2012.

Bertarikh 25 Jun 2012

Dated 25 June 2012

[PTG.Ps.(PENT.) 090 Jld. 4(13); SUK.Ps. 05/380]

NORAZLAN BIN YAHAYA
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Perlis/
Secretary of State Legislative Assembly
Perlis*

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE
(Act 56 of 1965)

No. 86.

PELANTIKAN DI BAWAH SEKSYEN 12

APPOINTMENT UNDER SECTION 12

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(a) dan (b) Kanun Tanah Negara 1965, Pihak Berkuasa Negeri Perlis telah melantik Encik Hisan bin Abu Bakar sebagai Pengarah Tanah dan Galian, Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah Negeri Perlis mulai 1 Februari 2012 bagi maksud Kanun tersebut.

Pelantikan Encik Mohamad Daud bin Haji Abdull Hamid sebagai Pengarah Tanah dan Galian, Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah Negeri Perlis adalah dibatalkan mulai 1 Februari 2012.

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(a) and (b) of the National Land Code 1965, the State Authority of the State of Perlis has appointed Encik Hisan bin Abu Bakar as Director of Lands and Mines, Registrar of Titles and Land Administrator of Perlis with effect from 1 February 2012 for the purpose of the said Code.

The appointment of Encik Mohamad Daud bin Haji Abdull Hamid as Director of Lands and Mines, Registrar of Titles and Land Administrator of Perlis is hereby revoked with effect from 1 February 2012.

Bertarikh 25 Jun 2012

Dated 25 June 2012

[PTG.Ps.(PENT.) 090 Jld. 4(13); SUK. Ps. 05/380]

NORAZLAN BIN YAHAYA
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Perlis/
Secretary of State Legislative Assembly
Perlis*

No. 87.

PELANTIKAN DI BAWAH SEKSYEN 12

APPOINTMENT UNDER SECTION 12

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara 1965, Pihak Berkuasa Negeri Perlis telah melantik Encik Ahmad Hamidi bin Mohamed sebagai Penolong Pentadbir Tanah Perlis mulai 7 Februari 2012 bagi maksud Kanun tersebut.

Pelantikan Encik Mohd Alihanafi bin Mohd Yunus sebagai Penolong Pentadbir Tanah Perlis adalah dibatalkan mulai 7 Februari 2012.

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code 1965, the State Authority of Perlis has appointed Encik Ahmad Hamidi bin Mohamed as Assistant Land Administrator of Perlis with effect from 7 February 2012 for the purpose of the said Code.

The appointment of Encik Mohd Alihanafi bin Mohd Yunus as Assistant Land Administrator of Perlis is hereby revoked with effect from 7 February 2012.

Bertarikh 25 Jun 2012

Dated 25 June 2012

[PTG.Ps.(PENT.) 090 SK 2(52); SUK.Ps. 05/380]

NORAZLAN BIN YAHAYA
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Perlis/
Secretary of State Legislative Assembly
Perlis*

No. 88.

PELANTIKAN DI BAWAH SEKSYEN 12

APPOINTMENT UNDER SECTION 12

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara 1965, Pihak Berkuasa Negeri Perlis telah melantik Encik Mohd Shahrir Redzuan bin Abd Samad sebagai Penolong Pentadbir Tanah Negeri Perlis mulai 16 Februari 2011 bagi maksud Kanun tersebut.

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code 1965, the State Authority of the State of Perlis has appointed Encik Mohd Shahrir Redzuan bin Abd Samad as Assistant Land Administrator of Perlis with effect from 16 February 2011 for the purpose of the said Code.

Bertarikh 25 Jun 2012

Dated 25 June 2012

[PTG.Ps.(PENT.) 090 Jld. 3(55); SUK.Ps. 05/380]

NORAZLAN BIN YAHAYA

*Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Perlis/
Secretary of State Legislative Assembly
Perlis*

No. 89.

(Seksyen 62)

PERIZABAN TANAH BAGI PENGGUNAAN AWAM

(Section 62)

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri Perlis dengan ini telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi maksud awam iaitu sebagai suatu tapak untuk Dewan dan menetapkan bahawa Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggara oleh Pertubuhan Pengajian Tao (Thong Chee), Perlis.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code [Act 56 of 1965], the State Authority of Perlis hereby reserves the land described in the Schedule hereto for public purpose, to wit, a site for a Hall and designated that the Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis shall have control of the said reserved land and that the said reserved land shall be maintained by the Pertubuhan Pengajian Tao (Thong Chee), Perlis.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Perlis. Mukim/*Mukim*—Titi Tinggi. No. P.T./*P.T. No.*—1330.
Luas/*Area*—0.5310 hektar/*hectares*.

Bertarikh 25 Jun 2012

Dated 25 June 2012

[PTG.Ps.(A) 021 F 8946; SUK.Ps. 05/379]

NORAZLAN BIN YAHAYA
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Perlis/
Secretary of State Legislative Assembly
Perlis*

No. 90.

(Seksyen 62)

PERIZABAN TANAH BAGI PENGGUNAAN AWAM

(Section 62)

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri Perlis dengan ini telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi maksud awam iaitu sebagai suatu tapak untuk Kolam Takungan Air dan menetapkan bahawa Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis sebagai Pegawai Pengawal dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggara oleh Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perlis.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority hereby reserves the land described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for a Water Retention Ponds and has designated that the Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis shall have control of the said reserved land and that the said reserved land shall be maintained by the Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perlis.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Perlis. Mukim/*Mukim*—Titi Tinggi. No. P.T./*P.T. No.*—8954.
Luas/*Area*—1.02 hektar/*hectares*.

Bertarikh 25 Jun 2012

Dated 25 June 2012

[PTG.Ps.(AD) 432; SUK.Ps. 05/379]

NORAZLAN BIN YAHAYA
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Perlis/
Secretary of State Legislative Assembly
Perlis*

No. 91.

(Seksyen 62)

PERIZABAN TANAH BAGI PENGGUNAAN AWAM

(Section 62)

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri Perlis dengan ini telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi maksud awam iaitu sebagai suatu tapak untuk Tanah Perkuburan Islam dan menetapkan bahawa Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis sebagai Pegawai Pengawal dan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis hendaklah menyelenggara tanah rizab tersebut.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code [Act 56 of 1965], the State Authority of Perlis hereby reserves the land described in the Schedule hereto for public purpose, to wit, a site for a Muslim Burial Ground and has designated that the Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis shall have control of the said reserved land and Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis shall maintain the said reserved land.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/ <i>District</i>	Mukim/ <i>Mukim</i>	No. Pelan Akui/ <i>Certified Plan No.</i>	No. P.T./ <i>P.T. No.</i>	Keluasan/ <i>Area</i>
				Hektar/ <i>Hectares</i>
Perlis	Beseri	18834	6388	0.2214
Perlis	Beseri	sama	6389	0.0563
Perlis	Beseri	sama	6390	0.0196

Bertarikh 25 Jun 2012

Dated 25 June 2012

[PTG.Ps.(T) 004/6(10); SUK.Ps. 05/379]

NORAZLAN BIN YAHAYA
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri
 Perlis/
 Secretary of State Legislative Assembly
 Perlis*

No. 92.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah-tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik keluaran hilang.

JADUAL

Mukim	No. Lot	Keluasan/Jenis dan No. Hakmilik		Resit
		Hektar	G.M.	
Arau	3746	0.4345	2028	120622030033
		Meter Persegi		
Seriab	2179	208	1839	120626030020
		Hektar		
Padang Pauh	36	0.1165	735	120626030077
Sena	1105	0.2959	1839	120626030077
Sena	8511	0.2814	4431	120626030077
Sanglang	3112	1.419	3163	120626030086
Sanglang	1069	1.0623	1070	120626030086
Sanglang	1631	1.5095	1127	120626030085
Sanglang	144	1.8514	260	120626030085
Arau	3500	0.9875	3094	120627060025
Utah Aji	3100	0.1815	2114	120627060026
		Meter Persegi		
Titi Tinggi	1867	123	830	120704040048

Bertarikh 4 Julai 2012
[PTG.Ps.(R) 385/58PT. 8 Jld. 6]

MASLINA BINTI CHE LIN @ HALIM
*Timbalan Pendaftar Hakmilik
Perlis*

No. 93.

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
DOKUMEN HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik keluaran hilang.

JADUAL

Mukim	No. P.T.	Keluasan/Perihal dan No. Hakmilik		Resit
		Hektar	H.S.M.	
Bintong	22	0.731	9	120627030043
		Meter Persegi		
Padang Siding	1939	1107	1291	120627030044

Bertarikh 4 Julai 2012
[PTG.Ps.(R) 385/58PT. 8 Jld. 6]

MASLINA BINTI CHE LIN @ HALIM
*Penolong Pentadbir Tanah
Perlis*

No. 94.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Juliana binti Mohd Johari yang beralamat di 92 Jalan Maju Lima (5), Taman Kemajuan, 01000 Kangar, Perlis, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah dan Galian, Perlis pada hari Khamis 2 Ogos 2012 jam 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Utan Aji. No. Lot—3718. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 1260. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 3578/2009 (Satu hakmilik sahaja).

Bertarikh 4 Julai 2012
[PTG.Ps.(R) 1/80F 1931(9)]

MASLINA BINTI CHE LIN @ HALIM
Penolong Pentadbir Tanah
b.p. Pengarah Tanah dan Galian
Perlis

No. 95.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Maarif bin Said yang beralamat di 68 Jalan Maju 5, Taman Kemajuan, 01000 Kangar, Perlis, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah dan Galian, Perlis pada hari Selasa 7 Ogos 2012 jam 9.30 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Utan Aji. No. Lot—3668. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 1212. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 2857/2003 (Satu hakmilik sahaja).

Bertarikh 26 Jun 2012
[PTG.Ps.(R) 1/80F 1927(3)]

MASLINA BINTI CHE LIN @ HALIM
Penolong Pentadbir Tanah
b.p. Pengarah Tanah dan Galian
Perlis

No. 96.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Ng Eng Yong yang beralamat di 1 Jalan Empat, Taman Desa Pauh, Pauh, 02600 Arau, Perlis, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah dan Galian, Perlis pada hari Khamis 16 Ogos 2012 jam 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kurong Anai. No. Lot—6296. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 3116. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 130/2008 (Satu hakmilik sahaja).

Bertarikh 13 Julai 2012
[PTG.Ps.(R) 1/80F 1916(26B)]

MASLINA BINTI CHE LIN @ HALIM
Penolong Pentadbir Tanah
b.p. Pengarah Tanah dan Galian
Perlis

No. 97.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Maslina binti Che Lin @ Halim, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 3 Julai 2012 pada 10.00 pagi di Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM30,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu Sahaja).

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada *pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM27,958.67. Nama pemegang gadaian—CIMB Bank Berhad.

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas—RM3,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ribu Sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadaian untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena bayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 31 Oktober 2012 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang dinyatakan; dan
 - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Chuping. No. Lot—2806. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2293. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 847/1989, Jilid 2, Folio 85 (Satu Hakmilik Sahaja).

Bertarikh 4 Mei 2012
[PTG.Ps.(R) 1/80F 529(28A)]

MASLINA BINTI CHE LIN @ HALIM
*Penolong Pentadbir Tanah
b/p Pengarah Tanah dan Galian
Perlis*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA